

Pelabur suka sikap terbuka

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kestabilan politik dan sikap terbuka kerajaan di bidang perniagaan menjadi faktor utama tarikan rakyat asing berminat melabur di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan juga sedia mendengar semua pandangan dan fakta yang berkaitan dengan perniagaan daripada usahawan yang datang melabur.

"Kita jelaskan tarikan utama itu ialah kestabilan politik, sikap terbuka

serta mendengar semua pandangan dan fakta berkaitan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian, kepada pemberita selepas menghadiri majlis dialog tertutup dengan peserta Sidang Kemuncak Malaysia 1994, di sini hari ini.

Dr Mahathir kemudian melancarkan buku *Perjalanan Pilihan Raya Malaysia dan Conduct of Election in Malaysia* yang dihasilkan oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia, Datuk

Abdul Rashid Abdul Rahman.

Sidang dua hari itu bermula semalam dianjurkan oleh akhbar International Herald Tribune, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) dan Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (Amcham).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, merasmikan sidang itu, semalam.

Ditanya sama ada peserta menimbulkan 'soalan nakal' kepadanya, Dr Mahathir berkata,

perkara itu tidak ditimbulkan kerana mereka yang hadir adalah serius dan berminat dengan bidang pelaburan.

"Saya berharap mereka akan membuat laporan yang sebenar kepada syarikat masing-masing dan saya fikir mereka akan berbuat demikian.

"Mereka bukan hanya datang ke sini untuk berseeronok. Mereka mahu mengetahui keadaan sebenar dan mendengar dengan teliti semua jawapan," katanya.